



KONSEP DEMOKRASI BERPARLIMEN

Demokrasi berparlimen menunjukkan suatu sistem politik, di mana rakyat memilih perwakilan melalui pilihan raya. Oleh itu, konsep perwakilan politik turut dianalisis bagi memperkukuh perbincangan tentang konsep demokrasi berparlimen. Dalam sistem demokrasi berparlimen, parti politik yang mempunyai perwakilan majoriti dalam dewan perundangan diberi hak untuk memerintah (kerajaan) dan membentuk kabinet. Dengan itu, wujudlah konsep kerajaan berkabinet hasil daripada sistem perwakilan dalam demokrasi berparlimen yang menjadi fokus penting dalam bab ini.

Perbincangan sebelum ini menjelaskan konsep kepimpinan politik dan mengupas perkara-perkara yang berkait secara langsung dengannya. Dalam sistem politik Malaysia, kepimpinan politik (merujuk kepada wakil rakyat) berkait dengan pilihan raya yang dilaksanakan untuk memilih perwakilan. Oleh itu, kepimpinan politik itu sebahagian daripada aspek penting dalam sistem demokrasi yang berpegang pada aktiviti pilihan raya yang memberi peluang kepada rakyat untuk membuat pilihan dan keputusan.

Analisis konsep demokrasi berparlimen membawa kepada perbincangan beberapa konsep lain seperti demokrasi, parlimen, perwakilan dan kerajaan berkabinet. Konsep-konsep ini berkait antara satu sama lain dan memperlihatkan kewujudan kepimpinan politik dalam sistem demokrasi berparlimen. Perbincangan dalam bab ini didahului

dengan konsep demokrasi dan parlimen kerana kedua-dua konsep ini menerbitkan konsep demokrasi berparlimen yang diamalkan dalam kebanyakan negara-negara Komanwel.

Dalam bab ini perbincangan adalah secara khusus kepada konsep demokrasi berparlimen yang mempunyai hubung kait secara langsung dengan kepimpinan politik. Perlu diingat bahawa asas pemilihan pemimpin dalam sistem demokrasi adalah melalui pilihan raya. Inilah yang membezakan sistem demokrasi dengan sistem komunis dan monarki. Dalam pilihan raya, rakyat diberi hak dan kuasa untuk memilih pemimpin bagi mewakili suara mereka dalam badan perundangan. Melalui aktiviti politik pilihan raya, rakyat berkuasa untuk menentukan siapa yang memerintah negara. Jadi, rakyatlah yang bertanggungjawab memilih pemimpin melalui pilihan raya.

KONSEP DEMOKRASI

Apa itu demokrasi? Perkataan demokrasi (*democracy*) berasal daripada perkataan Greek, iaitu *demos* bermaksud rakyat dan *kratia* adalah pemerintah. Jadi, demokrasi pada umumnya bermaksud pemerintahan oleh rakyat (Birch, 2001: 71; Elliott, 1971: 120; Huntington, 1991: 6; Lively, 2007: 230; dan Saward, 2007: 3). Dalam sistem demokrasi seperti di Malaysia, rakyat yang berkuasa menentukan siapa yang boleh memerintah dan mewakili suara mereka dalam badan perundangan (*legislative*). Terdapat pelbagai definisi dikemukakan oleh para sarjana tentang demokrasi.

Dye dan Zeigler (1996: 5) mendefinisikan demokrasi sebagai sistem pemerintahan yang melibatkan penyertaan individu (misalnya melalui pilihan raya) dalam proses pembuatan keputusan yang memberi kesan penting ke atas kehidupan mereka. Atas sebab itu, kerajaan dalam sistem demokrasi dikatakan sebagai kerajaan '*rule by the many*'; pemerintahan oleh orang ramai. Dengan erti kata lain, sistem